

**SOALAN NO: 248**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
KAWASAN : PUTATAN**

**SOALAN:**

**YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH** minta **MENTERI  
KERJA RAYA** menyatakan:

- a) berapa jumlah dana yang telah/akan dibelanjakan bagi projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Pakej-6 (Jajaran Putatan - Inanam); dan
- b) jumlah dana yang disediakan bagi maksud pampasan pengambilan tanah yang terlibat dalam projek ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor pakej kerja bagi Jajaran Putatan-Inanam telah secara rasmi dilantik pada Disember 2017 dan pihak kontraktor kini dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan pelan pembinaan secara terperinci. Justeru, masih belum terdapat sebarang perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi pakej kerja tersebut memandangkan masih belum terdapat sebarang kerja-kerja fizikal yang dijalankan. Merujuk kepada pampasan tanah, penilaian terhadap tanah-tanah yang terlibat bagi menentukan nilai pampasan kini giat dilaksanakan oleh pihak Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]

SOALAN :-

YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN menyatakan :-

- a) sama ada pihak Kementerian bercadang untuk membina lebih banyak lagi projek perumahan rakyat terutama sekali "PPR Rent to Own" di Putatan bagi mengatasi masalah setinggian di Putatan dan mengapakah Ahli Parlimen setempat tidak diberikan kuota untuk meluluskan permohonan menduduki PPR Sri Keramat dan PPR Lembising Putatan; dan
- b) senarai penduduk yang telah diberikan kelulusan untuk menduduki PPR Sri Keramat dan PPR Lembising Putatan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 projek Program Perumahan Rakyat (PPR), melibatkan pembangunan 1,196 unit rumah yang telah siap dibina pada tahun 2016 di kawasan Putatan iaitu PPR Kg. Ketiau (696 unit rumah) dan PPR Kg. Meruntum (500 unit rumah).

Buat masa ini, pihak Kementerian belum ada cadangan pembangunan projek PPR baharu di kawasan Putatan. Kerajaan Negeri Sabah boleh mengemukakan cadangan projek PPR dan tapak yang sesuai dalam kawasan Parlimen Putatan untuk pertimbangan Kementerian. Pelaksanaan projek PPR baharu adalah tertakluk kepada kelulusan dan peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penyelarasan urusan pemilihan dan pengisian penghuni PPR di Sabah serta kelulusan menduduki PPR Kg. Ketiau (Sri Keramat) dan PPR Kg. Meruntum (Lembising) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah

(KKTP). Status terkini pengisian PPR Kg. Ketiau adalah 100% (diisi sepenuhnya). Manakala PPR Kg Meruntum pula masih di peringkat pengisian. Sehingga kini, 104 surat tawaran pengisian PPR Kg. Meruntum telah dikeluarkan oleh KKTP.

Kementerian Kesejahteraan Bandar  
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018